

Muhajir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim-Non-Muslim

(Muhajir Interactional Generator and Religious Tolerance among New Muslim-Muslim-Non-Muslim)

KHADIJAH MOHD KHAMBALI, AZARUDIN AWANG, SURAYA SINTANG, NUR FARHANA ABDUL RAHMAN,
WAN ADLI WAN RAMLI & KHAIRUL NIZAM MAT KARIM

ABSTRAK

Saudara Baru, Saudara Muslim dan Mualaf merupakan istilah yang sering dirujuk sebagai individu yang mulai berjinak-jinak dengan agama Islam. Realitinya, individu yang digelar sedemikian dalam konteks Malaysia merupakan antara individu yang telah lama memeluk Islam. Perkara seumpama ini mampu mempengaruhi interaksi dan integrasi dalam kalangan komuniti Saudara Baru, komuniti Muslim asal dan ahli keluarga asal bukan Muslim. Selanjutnya, ia menimbulkan isu etnik akibat ketidakfahaman berhubung isu-isu yang berlegar dalam kehidupan Saudara Baru. Sehubungan itu, istilah Muhajir dilihat lebih sesuai dengan maksud Saudara Baru dalam konteks Malaysia yang lebih menonjol sebagai penjana interaksi dan toleransi beragama dalam kalangan warga Malaysia yang beraneka etnik. Justeru, kajian ini bertujuan melihat pengalaman toleransi beragama dalam kehidupan komuniti Muhajir-Muslim-non-Muslim. Data diperolehi menggunakan kaedah kualitatif dengan tumpuan kepada kaedah temu bual ke atas dua puluh orang Muhajir di Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. Hasil dapatan memperlihatkan bahawa situasi yang ditonjolkan dalam hubungan Muslim-bukan Muslim-komuniti Muhajir di negeri Terengganu telah menyerlahkan budaya toleransi dalam kepelbagaian hidup bersama. Hubungan ini diperlihatkan melalui jalinan perkenalan, pertemuan dan tinggal bersama yang membentuk hubungan persahabatan, persaudaraan dan persemendaan merentas batasan agama. Ini menunjukkan Muhajir memainkan peranan dalam melestarikan pemupukan toleransi khususnya dalam hubungan Muslim dan bukan Muslim di Malaysia.

Kata kunci: Mualaf; penjana interaksi; toleransi beragama; hubungan Muhajir-Muslim-non-Muslim; Malaysia

ABSTRACT

New brothers, New Muslim and Mualaf are the terms that are often referred to as individuals who began to cultivate the religion of Islam. In the Malaysian context, in reality they are individuals who had embraced Islam for many years. This situation may affect the relation and integration in the community of Saudara Baru, Muslim origin and non-Muslim family members. Furthermore, it raises the issue of ethnic misunderstanding due to the issues that linger in the life of Saudara Baru since Saudara Baru in the context of Malaysia is more prominent as a generator in religious interaction among various ethnic groups in Malaysia. This study aims to see the experience of religious tolerance among Muhajir-Muslim-non-Muslim. Data was obtained using qualitative method which focussed on interviews with twenty Muhajir in Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. The results highlighted the culture of tolerance among Muslim-non-Muslim-Muhajir in the diversity of living together. This relationship is demonstrated through effective relations, meetings and living together that form friendship, brotherhood and affinity across religious boundaries. This shows Muhajir play a role in fostering tolerance especially in relations between Muslims and non-Muslims in Malaysia.

Keywords: Mualaf; generator of interactions; religious tolerance; Muhajir-Muslim-non-Muslim relation; Malaysia

PENDAHULUAN

Sirah Rasulullah SAW membuktikan bahawa dakwah yang baginda laksanakan amat memberi kesan dari aspek sokongan dan jaminan spiritual dan fizikal terhadap masyarakat yang baru memeluk Islam. Jaminan dan sokongan seumpama itu mendorong ke arah pengukuhan dan pemuliharaan akidah Tauhid yang baru berputik dalam jiwa seorang penganut Islam atau sering dirujuk sebagai mualaf. Sistem sokongan seperti ini amat penting bagi mualaf kerana pertukaran agama melibatkan proses transformasi pelbagai aspek termasuk minda, emosi, budaya dan kepercayaan. Sehubungan itu, mereka memerlukan sistem sokongan yang padu dan ampuh dari Muslim asal agar mualaf tidak berhadapan dengan beraneka masalah. Pun begitu, permasalahan tetap berlaku kerana antara sebab utama adalah hak-hak mualaf tidak dipenuhi dengan baik tidak kira dari sudut material, moral mahupun spiritual dan dalam masa yang sama mereka sering berhadapan dengan pelbagai masalah seperti aspek mendalami ajaran agama, timbul konflik daripada pihak keluarga, kesukaran menyesuaikan diri dengan cara hidup baru, deraan fizikal dan emosi serta salah faham golongan bukan Muslim dan Muslim asal. Apatah lagi status mualaf atau sering dirujuk sebagai Saudara Baru yang sering dikategorikan sebagai ‘kelas kedua’ turut menyumbang kepada masalah sedia ada sehingga menimbulkan konflik dalam diri mualaf sekalipun mereka ini telah lama memeluk Islam dan sebatian dengan kehidupan masyarakat Muslim. Gelaran sebagai mualaf terus ‘menghantui’ mereka dan seolah-olah menonjolkan ‘ketidakterbukaan’ penerimaan mualaf dalam masyarakat Muslim asal. Realitinya, komuniti mualaf kini semakin menonjol di pentas masyarakat Muslim asal sama ada sebagai pendakwah hebat mahupun tenaga pengajar bidang Pengajian Islam sebagai contoh yang dahulunya dimonopoli oleh komuniti Muslim asal. Keaktifan mualaf dalam kalangan masyarakat Muslim ini telah turut meletakkan mereka sebagai peneraju dalam hubungan interaksi antara Muslim asal dan keluarga asal mereka sekalipun mualaf turut terkesan atas penghijrahan dan penerimaan keluarga dan masyarakat Muslim.

KONSEP SAUDARA BARU ATAU MUALAF

‘Saudara Baru’ atau ‘Mualaf’ merupakan istilah yang lazim dilantunkan dalam masyarakat

Malaysia yang merujuk kepada individu yang baharu memeluk Islam. Pelbagai takrifan dan maksud dikemukakan dalam beberapa kajian sarjana Muslim berhubung istilah tersebut. Pemerihal istilah ini diasaskan kepada ayat suci al-Qur’an dan selanjutnya direncamkan konsep istilah tersebut. Istilah mualaf disebut sekali dalam al-Quran al-Karim di dalam surah al-Taubah, 9 ayat 60: Firman Allah SWT yang bermaksud: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan Mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana”. Ayat tersebut memerihalkan golongan mualaf turut mempunyai bahagian dalam pemberian zakat.

Menurut Kamus Dewan (2010) perkataan mualaf bermaksud individu yang baru memeluk Islam atau saudara baru. Manakala dalam Lisan al-‘Arab karangan Ibn. Manzur (2001), istilah mualaf berasal dari *al-lafa* bermaksud menghimpunkan sesuatu dengan sesuatu atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu. Kamus *Lisan Al-Arab* (2001), *والمؤلفة قلوبهم* bermaksud mereka yang hatinya telah didamaikan. Juga dijelaskan sebagai mualaf ialah individu yang diambil perhatiannya agar memeluk Islam atau memperkuat keIslamannya. Tuntasnya, mualaf memberi maksud Saudara Baru atau Saudara Kita. Sebagaimana yang dikemukakan, istilah mualaf hanya disebut sekali dalam al-Quran surah al-Taubah ayat 60 iaitu *mualafatu qulubuhum* (individu yang dijinakkan hatinya). Kelazimannya dalam masyarakat awam istilah mualaf difahami sebagai ‘individu yang baru memeluk Islam atau individu yang memiliki pengetahuan minima mengenai Islam’. Manakala fuqaha’ sering mengaitkan perbincangan mualaf dengan agihan zakat. Bahkan dapat dirumuskan bahawa perbincangan mualaf merupakan sub topik dalam perbincangan zakat. Merujuk *Kamus Istilah Fiqh*, mualaf adalah individu yang dipujuk hatinya atau yang baru memeluk Islam dan iman mereka masih lemah. Mualaf tergolong dalam lapan asnaf yang berhak menerima zakat. Menurut al-Qurtubi (1954) terdapat empat golongan mualaf, iaitu: individu yang baru memeluk Islam dan imannya masih lemah. Keduanya, non-Muslim

yang berpengaruh dan diharapkan dapat menarik kaumnya memeluk Islam. Ketiganya, Muslim yang berpengaruh terhadap non-Muslim. Pengaruh tersebut menyelamatkan golongan Muslim daripada kejahatan non-Muslim. Keempat individu yang menolak keburukan anti zakat.

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, Saudara Baru Cina, India atau lain-lain etnik dirujuk dan diistilahkan sebagai mualaf oleh masyarakat Muslim amnya dan masyarakat Melayu khususnya (Syarul Azman, Abur Hamdi & Muhammad Yusuf 2016). Adi Syahid (2013) turut memaknakan dalam tesisnya “Keberkesanan Pembelajaran Aqidah Berasaskan Strategi Inkuiri Terbimbing Terhadap Saudara Baru”; Saudara Baru merupakan individu yang telah melafazkan kalimah syahadah yakni baru memeluk Islam, dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan. Takrifan lain yang memerihalkan maksud Saudara Baru adalah individu yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap Islam atau individu yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam (Aziz & Mohamad 2016). Jelas bahawa mualaf atau Saudara Baru adalah individu yang dijinakkan hati mereka untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah. Pemberian zakat adalah bertujuan untuk memotivasikan dan memantapkan lagi keIslamannya serta beramal dengan ajaran Islam (Syarul Azman, Abur Hamdi & Muhammad Yusuf 2016).

Ulama Muslim seperti Sayyid Qutb (1985) telah mentafsirkan mualaf sebagai individu yang kembali kepada Islam serta kekal dan mengamalkan ajaran Islam dengan baik. Pemberian zakat merupakan satu inisiatif yang dapat menyatukan hati individu tersebut, mengukuhkan serta menambahkan rasa cintanya terhadap Islam. Menurut Muhammad Rasyid (t.t); ulama semasa Mesir, mualaf adalah individu yang hatinya wajar ditakluk agar mempunyai kecenderungan atau keprihatinan terhadap Islam, atau sebarang ancaman bahaya yang berkemungkinan tercetus daripada individu tersebut kepada masyarakat Muslim dapat dicegah, atau berharap memperolehi manfaat dalam mempertahankan dan membantu masyarakat Muslim daripada serangan musuh. Pengertian ini selain menjelaskan tujuan pemberian zakat terhadap mualaf, juga menegaskan bahawa masyarakat mualaf tidak sahaja harus terdiri daripada individu Muslim, namun juga meliputi

non-Muslim. Al-Jaziri (2004) merupakan salah seorang pengikut Imam Syafi’i mendefinisikan mualaf kepada beberapa kategori iaitu individu yang lemah imannya termasuk individu yang baru memeluk Islam dan berhak diberi zakat, individu yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat dan mampu menarik individu lain memeluk agama Islam dan individu yang kuat imannya. Pemberian zakat mampu menghindarkan individu lain daripada melakukan kemungkaran. Keempatnya ialah individu yang berupaya menarik individu lain untuk mengeluarkan zakat. Ulama’ semasa yang tersohor al-Qaradawi (2000) turut mentakrifkan mualaf adalah individu yang hatinya dijinakkan dan dilunakkan dengan akidah Islam dan dorongan sentiasa diberikan agar individu tersebut menerima ajaran Islam. Ia memberi maksud bahawa mualaf terbahagi kepada dua golongan iaitu, Muslim dan non-Muslim. Mualaf Muslim ialah individu yang telah memeluk Islam dan niatnya masih lemah. Justeru, pemberian zakat untuk menguatkan iman ataupun merujuk kepada individu yang telah memeluk Islam dan niat dan hatinya kukuh terhadap Islam dan individu tersebut turut dipandang mulia oleh masyarakat; maka ia tidak perlu diberi zakat. Manakala mualaf non-Muslim adalah individu yang membantu masyarakat Muslim untuk menghentikan kerosakan yang dilakukan oleh rakan non-Muslim dan mereka juga layak diberikan zakat. Bahkan mereka tergolong dalam pengertian mualaf dalam lapan asnaf yang berhak menerima zakat. Berdasarkan kenyataan diatas, dapat dinyatakan bahawa mualaf merupakan kelompok yang perlu diberi zakat untuk memenangi dan melembutkan hati mereka agar menjadikan Islam sebagai tatacara hidup. Untuk memberikan pemahaman yang lebih baik berhubung istilah mualaf, terutamanya pengkategorian mualaf dari sudut pandang Islam, istilah tersebut wajar dibincangkan bersama-sama dengan zakat; sepertimana yang telah ditentukan dalam perbincangan Fiqh.

Beberapa perbincangan dalam kalangan ulama’ Muslim memperlihatkan bahawa istilah mualaf mencakupi pengertian individu bukan Muslim. Namun usaha wajar dilakukan untuk menjadikan hati mereka cenderung kepada Islam. Al-Qaradawi menyatakan, bahawa wujud sekumpulan individu bukan Muslim yang wajar dilamar dengan harapan bahawa mereka akan menerima Islam, seperti kes Safwan dalam pembukaan (*al-Futuh*) Mekah. Safwan telah diberikan tempoh empat bulan oleh

Nabi Muhammad SAW untuk mempertimbangkan pelawaan menerima ajaran Islam. Apabila perang Hunain berlaku, Safwan turut berperang. Nabi SAW telah meminjamkannya pedang dan turut memberinya unta sebagai kegunaannya waktu perang Hunain. Ini telah mendorong Safwan mengenali dan memahami ajaran Islam dengan lebih terperinci dan memangkinkannya lahir sebagai Muslim yang baik dan terpuji akhlaknya (al-Qaradawi 2000). Selain itu, terdapat kisah yang dilantunkan dalam Hadith yang dikumpulkan oleh Shawkani dan dipetik oleh Ahmad dengan sanad dari Anas: “Sesungguhnya Nabi SAW tidak pernah meminta sesuatu kecuali untuk kepentingan Islam dan baginda benar-benar mampu untuk melaksanakannya. Satu ketika, seorang lelaki datang dan bertanya kepada baginda SAW; individu tersebut telah diizinkan untuk mengambil sebahagian peruntukan zakat (kambing). Individu tersebut kembali kepada masyarakatnya dan menyatakan: “Kaumku, wajar kita memeluk Islam kerana Muhammad sangat suka memberi hadiah kerana bimbang kita mati kelaparan” (Al-Shawkani 1987:33). Tuntasnya, hampir semua ulama’ Muslim bersepakat mengkategorikan individu bukan Muslim sebagai sebahagian daripada pengertian mualaf yang difahami antara usaha untuk menarik minat mereka cenderung kepada Islam.

Namun, pemaknaan istilah mualaf ini menjadi topik hangat dalam kalangan para Khulafa’ al-Rashidin. Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, para sahabat menumpukan perencaman kepada hak-hak mualaf dalam penerimaan zakat. Namun, para sahabat belum lagi memperincikan pengertian dan pengkategorian mualaf sehingga mencetuskan ‘polemik’. Zaman Nabi Muhammad SAW, Uayna bin Hisn, al-Aqra ‘bin Habis dan Abbas bin Mirdas telah diberikan surat jaminan daripada Rasulullah SAW dan Abu Bakar bahawa mereka layak diberi sebahagian daripada zakat. Apabila surat itu dibawa kepada pengetahuan Umar, beliau telah mengoyakkan surat tersebut. Beliau berkata: “Nabi SAW telah memberikan kelayakan kepada anda menerima zakat sebagai usaha menarik kamu kepada cara hidup Islam. Namun, kini Allah telah meninggikan Islam dan bererti tiada lagi apa-apa hubungan antara anda dan kami. Sekiranya anda masih Muslim, maka kita menerima anda tetapi seandainya bukan, maka pedang di tali leher kamu”. Saidina Umar kemudiannya membaca al-Quran, Surah al-Kahfi: 29, “dan katakanlah: Kebenaran itu datangny dari

Tuhanmu; maka sesiapa yang ingin (beriman), hendaklah ia beriman, dan sesiapa yang ingin (kafir), biarlah ia kafir”. Sahabat bertiga tersebut kembali ke Abu Bakar dan memberitahunya apa yang telah berlaku dan serentak dengan pertanyaan: “Adakah tuan khalifah atau Saidina Umar?” Abu Bakar menjawab: “Umar” (Ibnu Hajar 2002). Saidina Abū Bakr tidak menyangkal kata-kata dan tindakan Umar, begitu juga sahabat lain. Ia melahirkan kata sepakat (*ijma’*) dalam kalangan para sahabat termasuk juga tiada wujud sebarang komentar dan ulasan sama ada daripada Saidina ‘Uthman mahupun Saidina ‘Ali berhubung perihal tersebut. Keadaan berbeza ketika mana Abu Bakar menerajui kepimpinan khalifah, beliau telah memberikan bahagiannya untuk Uday bin Hatim dan penduduk di kawasannya.

MUALAF DALAM KONTEKS MALAYSIA

Konsep mualaf dalam konteks Malaysia sering dikaitkan dengan sub topik perbincangan zakat. Walau bagaimanapun, telah wujud budaya dan amalan yang berbeza berkenaan panggilan mualaf dan ia boleh dirumuskan kepada dua bahagian iaitu masyarakat Melayu Muslim merujuk mualaf sebagai “Saudara Kita” dan “Saudara Baru”. Istilah “Saudara Baru” yang digunakan dalam masyarakat Melayu Muslim lebih memberi makna individu non-Muslim yang telah menganuti ajaran Islam. Merujuk istilah sedemikian adalah antara kaedah untuk meningkatkan keprihatinan terhadap hubungan persaudaraan Islam dan sekaligus mencetuskan kasih sayang antara saudara Muslim-Saudara Baru. Walau bagaimanapun, istilah tersebut turut memberikan pemaknaan berbeza yang dilihat berupaya merenggangkan hubungan persaudaraan seIslam hanya kerana masyarakat “Saudara Baru” menganggap diri mereka bukan dari kalangan komuniti Muslim asal (Muslim yang dilahirkan) sebaliknya bersaudara hanya atas faktor pengislaman. Perihal ini mencetuskan dua golongan masyarakat iaitu Muslim asal dan Muslim baru kerana ‘kembali kepada fitrah’ (Saudara Baru). Perkara seumpama ini mampu mempengaruhi interaksi dan integrasi dalam kalangan komuniti Muslim-Saudara Baru. Keadaan ini mencetuskan kesukaran bersosial dan bermuamalah secara merdeka sebagai saudara Muslim (Norlina, Azman & Zulkifli (2016). Keduanya, istilah “Saudara Baru” atau “Saudara Kita” yang dimaksudkan oleh

masyarakat Muslim kelazimannya merujuk kepada mualaf yang baru menganuti ajaran Islam yang ditujukan kepada etnik non-Melayu. Masyarakat Melayu Muslim sering beranggapan “Saudara Baru” itu dalam kalangan etnik bukan Melayu. Walhal, wujud Muslim asal daripada etnik bukan Melayu seperti Cina, India, Eropah dan sebagainya. Ia menimbulkan isu etnik atau perkauman akibat ketidakfahaman berhubung isu mualaf. Perihal ini turut mengundang jurang yang lebih besar berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim asal yang lebih majoriti dan masyarakat mualaf yang minoriti dan menimbulkan kompleks dalam diri mereka kerana beranggapan sebagai golongan “pendatang” dalam keluarga Muslim asal (Norlina, Azman & Zulkifli 2016).

Sehubungan itu, perbincangan ini ingin melantunkan istilah baru merujuk kepada mualaf. Istilah *muhajir* dilihat lebih sesuai untuk mengaitkannya dengan kedudukan mualaf dalam masyarakat Muslim secara keseluruhannya. Istilah ini ambilan daripada hijrah Nabi Muhammad SAW yang meninggalkan Mekah disertai oleh umat Islam yang lain ke Madinah. Hijrah adalah satu tindakan yang penting bagi pembentukan masyarakat Muslim dan untuk persediaan awal pembangunan diri kepada mukmin, muhsin dan muttaqin (Ansari 1990). Hadith Sahih al-Bukhari yang ke 10 (Sahih Bukhari, no. 10, Bab h,j,r) menyebut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - عَنِ النَّبِيِّ
- صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ ،
وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

Dari Abdullah bin Umar r.a. Nabi SAW bersabda, “Muslim adalah individu yang menyelamatkan semua Muslim dari lisan dan tangannya. Dan Muhajir adalah individu yang meninggalkan segala larangan Allah”.

Kata akar bahasa Arab daripada ‘h, j, r’. Menurut Ansari (1990) ini menunjukkan penceraihan, perpisahan, pembahagian, atau penghijrahan. Selain itu akar h, j, r ‘juga mempunyai nuansa “tidak suka” atau “benci” sebagai motif untuk menjauhkan diri dan meninggalkan sesuatu atau seseorang kepada sesuatu yang lebih baik. Selain itu istilah hijrah turut memperlihatkan penghijrahan dari kekufuran kepada keimanan, seperti yang dibuktikan daripada penghijrahan dari Mekah ke Madinah (Ansari 1990). *Muhajir* sejati sanggup mengorbankan diri, harta dan segalanya yang dimiliki di dunia demi untuk keredaan Allah dan akhirat. Analoginya sepertimana yang dikorbankan

oleh mualaf ketika mana ia menukar anutan agamanya kepada kebenaran ajaran Islam. Individu mualaf sering mengalami gangguan emosi antara keperitan hinaan keluarga asal dan pandangan serta cemuan sinis masyarakat Muslim asal. Keadaan seumpama itu adalah satu bentuk pengorbanan yang perlu dilalui oleh mualaf. Mualaf yang telah benar-benar berubah dengan perjuangan Islam dan bertukar sebagai *muhajir* sehingga menyerlah sebagai da’i merupakan insan hebat dan bahkan lebih baik daripada segelintir Muslim asal. Justeru, istilah *muhajir* lebih senada dengan maksud hijrah yang telah dilakukan oleh setiap insan atas sebab yang sama seperti yang dilakukan oleh para sahabat Rasul SAW iaitu demi semata-mata mendapatkan keredaan Allah dan kebahagiaan akhirat biarpun terpaksa melalui pelbagai fasa kejutan, pengasingan dan penghinaan. Tuntasnya, istilah *muhajir* mempunyai makna yang sangat istimewa dalam abad ini dan sekaligus maksudnya telah berubah daripada yang difahami dalam sejarah Islam. Bersesuaian dengan peranan yang ditonjolkan oleh sebahagian *muhajir* seperti Tuan Haji Nicholas Sylvester, Prof Dr Haji Taufik Yap Yun, Datuk Haji Mustapha Ma, Dr Rosey Ma, Dr Ravi Abdullah, Brother Shah Kirit, Dr Farid Abdullah (sekadar menyebut beberapa nama sahaja) dan beberapa nama lain yang gah di persada dakwah Islamiyyah; memperlihatkan pengaruh mereka dalam kalangan masyarakat Muslim keseluruhannya dan sekaligus tidak keterlaluan untuk merujuk mereka juga sebagai penjana toleransi dalam hubungan umat beragama.

KONSEP TOLERANSI

Toleransi berasal daripada bahasa Latin, iaitu *tolerantia* yang bererti kelonggaran, kelembutan hati, lapang dada dan sukarela (Aprialiani & Ghazali, 2016). Selanjutnya, Aprialiani dan Ghazali menjelaskan toleransi setara dengan bersikap positif dan menghargai pihak lain dalam rangka memberikan kebebasan asasi sebagai manusia. Dua model toleransi; pertama, toleransi pasif yakni, bersikap menerima perbezaan sebagai sesuatu yang bersifat faktual. Kedua, toleransi aktif yakni, melibatkan diri dengan pihak lain di tengah perbezaan dan keragaman. Hakikat toleransi adalah hidup berdampingan secara damai dan saling menghargai di antara keragaman. Toleransi merupakan isu popular yang sering dibincangkan

dalam hubungan antara agama. Keanekaragaman agama dan etnik menuntut toleransi dibudayakan bagi menjamin kelangsungan hidup bersama. Mengambil kira Malaysia merupakan semua negara yang multi etnik, adalah wajar dilihat sebagai satu kelebihan, namun ia masih perlu dijaga dan tidak boleh dipandang ringan (Pue & Charanjit 2014). Justeru, Ban Ki-Moon, Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB: 1-2) menegaskan, “*When we build a culture of tolerance and understanding, we build a better world.*” Dunia akan menjadi lebih baik sekiranya budaya toleransi dibina bersama. Budaya toleransi signifikan bagi membentuk pemikiran masyarakat yang mengutamakan prinsip kemanusiaan - cintakan perdamaian dan persefahaman. Pentingnya toleransi dibudayakan dalam masyarakat berbilang agama didorong atas faktor wujudnya perbezaan dan ketidaksepakatan ajaran agama (*religious disagreement*). Budaya toleransi sekiranya diamalkan berupaya mendorong semangat hormat-menghormati terhadap kepercayaan tunjang (*core religious belief*) yang menjadi dasar sesuatu agama.

Jaffary dan Ibrahim (2015) menyatakan toleransi secara umum merujuk kepada kesanggupan individu menjalin hubungan dan tinggal bersama dengan individu lain yang berlainan latar budaya dan perbezaan sosial. Konsep toleransi yang dijelaskan oleh sarjana sains sosial adalah berbeza mengikut bidang kajian masing-masing. Toleransi boleh berlaku dalam hubungan politik, hubungan ekonomi dan hubungan sosial. Usman (2015) menjelaskan toleransi sebagai satu pegangan hidup dalam masyarakat boleh diertikan sebagai tidak fanatik, tidak mementingkan diri sendiri, mempunyai sikap keterbukaan, realistik, muafakat, tolak ansur. Bagi mereka yang mengamalkan sikap toleransi berupaya menerima kesusahan dan kritikan, boleh berkorban untuk orang lain dan bersikap terbuka serta berlapang dada. Jaffary dan Ibrahim (2015) menjelaskan toleransi adalah satu formula bagi membangun kehidupan bersama secara bertamadun antara pihak yang berbeza keyakinan, kepercayaan dan pandangan. Toleransi bermaksud setiap individu mahupun komuniti mempunyai hak yang sama (*agree to disagree*); memperakui hak pihak lain untuk berbeza pendapat, keinginan dan tingkah laku.

Toleransi bukanlah semata-mata menuntut pengiktirafan dan penghormatan terhadap perbezaan kepercayaan orang lain, tetapi dalam

masa yang sama ia juga menuntut penghormatan terhadap budaya dan norma yang diamalkan oleh individu dan masyarakat. Sebagai contoh, sekiranya terdapat individu yang ingin mengamalkan seks bebas, adakah tuntutan itu harus diberikan atas dasar toleransi? Perkara inilah yang diperjuangkan dalam Program Seksualiti Merdeka 2011 yang dirancang berlangsung pada 2 hingga 13 November 2011 di The Annexe Gallery, Kuala Lumpur. Namun perhimpunan ini diharamkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas faktor bantahan majoriti umat Islam dan bertentangan dengan nilai murni masyarakat Malaysia. Toleransi yang dicanang oleh Barat merupakan toleransi tanpa had yang memberi kebebasan mutlak kepada hak manusia. Khadijah dan Mohd Herzali (2015) menjelaskan seseorang yang bersikap toleransi adalah seseorang yang tidak memberi sebarang tekanan untuk mengubah kepercayaan pihak lain, menghormati sesuatu pandangan yang bertentangan dan bebas daripada prejudis. Toleransi ditafsirkan sebagai kesediaan individu menerima hak orang lain untuk berbeza dan menghormati pendapat tanpa bersikap menghukum (*judgemental*). Toleransi menyumbang ke arah pembentukan hak asasi manusia, pluralisme, demokrasi dan penggubalan undang-undang. Toleransi perlu bersifat proaktif dan positif iaitu bersedia untuk mencari nilai “persamaan” di sebalik perbezaan demi menghargai prinsip hidup dan keyakinan individu lain. Justeru, toleransi memperakui sesungguhnya manusia itu secara semulajadinya berbeza penampilan, perwatakan, tingkah laku dan berhak untuk hidup aman tanpa gangguan terhadap hak yang mereka miliki. Menjadi individu yang bertoleransi bermaksud bersedia mempelajari sesuatu yang baru dalam cara berfikir dan bertingklaku.

Toleransi disemai dengan ilmu pengetahuan, keterbukaan, komunikasi dan kebebasan berfikir. Toleransi bukan sahaja nilai moral yang perlu dimiliki setiap individu, malah toleransi adalah satu tuntutan politik. Toleransi berupaya mengubah budaya antagonis atau permusuhan kepada budaya keamanan dan keharmonian. Toleransi berlawanan dengan sikap tidak bertoleransi (*intolerance*) yang boleh diertikan sebagai satu perlakuan negatif dan menolak pandangan serta tindakan pihak lain. Tidak bertoleransi berasal daripada kepercayaan hanya tindakan dan cara hidupnya sahaja yang lebih hebat (*superior*) daripada pihak lain. Bahana tidak bertoleransi ini boleh mengakibatkan berlakunya penindasan, penghapusan etnik (*ethnic*

cleansing), diskriminasi warna kulit (*apartheid*) dan pembunuhan (*genocide*) yang menafikan keperluan dan hak seseorang.

Islam mempunyai perspektif tersendiri dalam mendefinisikan konsep toleransi. Sabir (2016) menjelaskan terma toleransi dalam bahasa Arab merujuk kepada *al-tasamuh* yang bermaksud memberi dan mengambil, tidak sahaja mengharapkan satu pihak memberi dan pihak lain menerima. Toleransi adalah satu sikap keterbukaan untuk mendengar pandangan yang berbeza, berfungsi secara dua hala yakni mengemukakan pandangan dan menerima pandangan dan tidak menjejaskan pegangan agama masing-masing dalam ruang lingkup yang dipersetujui bersama. Namun begitu, *tasamuh* ini tidak bermaksud bersifat menerima semata-mata sehingga menekan perasaan terhadap perkara yang berlawanan dengan ajaran agama Islam. Ritajuddiroyah (2015) menyatakan toleransi Islam terhadap kebebasan beragama berdiri di atas asas, teguh pada prinsip, toleran pada sikap iaitu bebas mendapat penjelasan dari agama lain, hak mendapat keadilan dari fitnah agama, berhak mendapat perlindungan dan berhak untuk tidak 'dimurtadkan' dari agamanya. Justeru, Islam menganjurkan umatnya berpegang pada prinsip kebenaran, namun tidak pula melunturkan sikap hormat terhadap non-Muslim. Sabir (2016) menegaskan Islam sangat menjunjung tinggi sifat *tasamuh* sebagai sebahagian daripada kekuatan Islam. Dalam surah al-Mumtahanah 60:8, al-Quran menjelaskan berlaku adil dan berkelakuan baik terhadap pihak lain yang berbeza keyakinan merupakan sebahagian daripada syarat terpenting yang membawa kepada sifat toleransi. Sifat *tasamuh* amat berkait rapat dengan konsep *mahabbah* (kasih sayang) yang memerlukan setiap individu bersikap berlapang dada, rasional dan profesional dalam sesuatu perkara. Namun begitu, *mahabbah* dilihat mengandungi maksud dan pendekatan yang lebih ideal berbanding toleransi kerana toleransi sering sahaja menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat sehingga menimbulkan persoalan siapa yang perlu "bertolak" dan siapa pula yang perlu "beransur". Lantaran itu jugalah terdapat pihak tertentu yang mula berani mencabar kredibiliti dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan sejak akhir-akhir ini.

Perbincangan awal menunjukkan toleransi merupakan satu nilai sejagat yang diperlukan bagi membina keharmonian dalam kepelbagaian. Amalan toleransi sekiranya dibudayakan dalam interaksi seharian antara pihak berbeza agama berupaya melahirkan masyarakat yang bersikap positif, berlapang dada dan berkasih sayang. Meskipun begitu, Islam hanya membenarkan toleransi pada perkara yang tidak melanggar batas peraturan dan tuntutan ajaran Islam. Toleransi Islam berada dalam ruang lingkup memugurkan hakikat kebebasan individu agar kehidupannya lebih beradab dan bermoral. Toleransi dalam Islam bukanlah satu keadaan menyebabkan kita perlu mengorbankan kesucian Islam dan pada masa yang sama tidak sampai kepada mengabaikan kewujudan agama-agama lain di dunia ini. Toleransi Islam adalah satu sifat proaktif dan positif iaitu bersedia mencari nilai persamaan di sebalik perbezaan demi menghargai prinsip keyakinan pihak lain dan seterusnya dizahirkan melalui interaksi yang telus dan rasional. Justeru, Islam memberi pengiktirafan terhadap kewujudan agama-agama lain, namun ini tidak bermakna Islam mengiktiraf keabsahan agama selain ajaran Islam (Khadijah & Mohd Herzali 2015).

Secara epistemologi, Mutsalim dan Jaffary (2014) mendapati fenomena konflik yang berlaku dalam masyarakat yang berbeza agama, kaum dan negara amat memerlukan budaya toleransi disuburkan dalam kehidupan. Sikap ini juga perlu disuburkan dalam komuniti *muhajir*. Dalam konteks toleransi dalam komuniti *muhajir*, Muslim asal dan non-Muslim (keluarga asal) berlaku dalam suasana pelbagai iaitu akomodatif, konflik, neutral dan saling menyokong (Sebastian & Ashvin 2007). Bagi Suraya dan Khadijah (2014) toleransi harmonis Saudara Baru boleh dikesani dalam pengalaman tinggal sebumbung, kunjungan ziarah, perkongsian perayaan, menguruskan kematian dan perihal yang berkait makan minum. Apa yang nyata, Jaffary dan Ibrahim (2015) dalam artikelnya menyatakan isu-isu yang berkisar perbezaan agama dan budaya menjadi cabaran dalam melestarikan toleransi antara kaum di Malaysia. Manakala dalam kajian Suraya (2012) yang merencami konteks toleransi antara *muhajir*, Muslim asal dan non-Muslim, mendapati bahawa hubungan tiga serangkai (*muhajir*-Muslim-non-Muslim) adalah saling menyokong antara satu sama lain.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan dan pembangunan kehidupan komuniti *muhajir* sentiasa berlaku dan sering menimbulkan salah faham daripada kalangan masyarakat Muslim. Pelbagai isu seperti persoalan faktor pemelukan Islam, pertikaian niat suci *muhajir* memilih Islam sebagai jalan hidup, pertukaran nama asal kepada nama Muslim, perkahwinan dengan etnik Melayu Muslim, mengharap wang zakat menghantui mereka yang masih di peringkat awal pemelukan Islam dan mengakibatkan kekeliruan dan kekecewaan. Apatah lagi, timbul isu perebutan jenazah, cabaran undang-undang bagi *muhajir* bawah umur 18 tahun, kehilangan perkerjaan setelah memeluk Islam, kehilangan hak tuntutan harta pusaka dan penyingkiran oleh keluarga kandung serta sikap monopoli keluarga angkat Muslim turut memberi tekanan yang hebat kepada *muhajir*. Beberapa contoh penukaran agama yang akhirnya terpaksa melalui proses perundangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Utusan Malaysia (Azarudin & Khadijah 2014) seperti kes perebutan jenazah Moorthy, Rayapan dan Nyonya Tahir. Rasa tidak puas hati terhadap keputusan yang diisytiharkan oleh Mahkamah Syariah menyebabkan pihak keluarga bukan Muslim selanjutnya membuat notis rayuan di Mahkamah Sivil.

Layanan yang tidak berhikmah oleh segelintir masyarakat Muslim mengusik hati kecil *muhajir* dan ada sebahagian mereka memilih untuk kembali kepada agama asal. Sebagai contoh Mahkamah Syariah Kuala Terengganu pada Oktober 2010 telah menangguhkan kes permohonan Mohamad Rajiman Chin dan Mohd Ramzan Manjasaran untuk keluar Islam (Azarudin & Khadijah 2014). Apatah lagi, gelaran Saudara Baru turut menghantui individu yang telah memeluk Islam. Komuniti *muhajir* sewajarnya diberikan pengukuhan akidah dan bimbingan agama tetapi diabaikan oleh segelintir masyarakat Muslim dan membiarkan mereka menghadapi segala permasalahan tersebut sendirian. Keadaan ini selanjutnya mengheret permasalahan yang berlaku kepada konflik tiga serangkai. Fenomena ini perlu diberi perhatian oleh semua masyarakat Muslim dalam membimbing dan memberi contoh teladan yang baik kepada *muhajir*. Hal ini telah menarik para pengkaji meninjau sejauhmana nilai-nilai toleransi disuburkan dalam kehidupan *muhajir* khususnya apabila berinteraksi dengan ahli keluarga bukan Muslim dan komuniti Muslim asal.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini merupakan sebahagian kajian yang dilakukan oleh penyelidik yang menyentuh tentang satu bentuk dialog antara agama yang dikenali 'dialog kehidupan' bagi melihat fenomena yang berlaku dalam hubungan antara agama yang berlaku di negeri Terengganu. Kaedah tinjauan dilakukan bagi mendapat maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Menurut Mokhtar (2011), kajian yang menggunakan reka bentuk sebegini boleh menjelaskan gambaran, informasi, persepsi dan pemahaman yang mendalam bagi merungkai persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk. Justeru, kaedah tinjauan merupakan satu kaedah yang boleh digunakan bagu tujuan perancangan masa depan atau panduan untuk menganalisa hubungan antara pembolehubah. Bagi memastikan pengkaji benar-benar memahami dan mengetahui situasi yang sebenar, pengkaji telah melakukan tinjauan dan melibatkan diri secara langsung dalam kehidupan komuniti *muhajir* Cina di negeri Terengganu. Mengambil kira pengkaji merupakan penduduk yang tinggal di kawasan kajian, pastinya ia dapat membantu pengkaji maklumat yang lebih tepat. Penelitian dilakukan melalui data-data deskriptif kaedah kualitatif pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang merujuk satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik (Ahmad 2009). Di samping itu, penelitian terhadap hasil-hasil kajian sarjana lepas turut dilakukan bagi mengelak berlakunya salahfaham ketika kajian dijalankan. Justeru, bahan-bahan seperti buku-buku ilmiah, tesis, jurnal dan sumber-sumber lain yang berkaitan sedikit sebanyak membantu kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Kaedah temu bual dilakukan bagi mendapat pandangan secara langsung dari responden. Responden adalah terdiri daripada *muhajir* Cina yang telah melakukan penukaran agama Islam di negeri Terengganu. Selain itu, penyelidik menggunakan kod resp#1 hingga resp#20 dan sub etnik sebagai ganti nama peserta kajian. Penggunaan sub etnik Cina seperti Hokien, Foochow, Kantonis dan sebagainya dilakukan kerana setiap sub etnik ini mempunyai sejarah kedatangan dan penempatan yang berbeza dan keadaan ini sekaligus mencorakkan pola toleransi yang berbeza dengan masyarakat tempatan. Bagi mewujudkan hubungan yang baik dengan responden, penyelidik telah melaksanakan temu bual separa berstruktur. Bagi Ahmad (2009), temu

bual separa struktur dengan *focused interview* dapat mewujudkan perkongsian pengalaman antara pengkaji dan responden. Peserta kajian adalah seramai 20 orang dan soalan-soalan dibina berasaskan tema yang telah dikenal pasti dengan senarai soalan ini menjadi panduan semasa proses temu bual dijalankan. Biarpun jumlah responden seramai 20 orang, panduan temu bual dijadikan senarai semak agar nanti tidak ada maklumat yang terlepas dan pengumpulan data dihentikan apabila data yang diperolehi telah mencapai tahap tepu (*saturation*) (Ahmad 2009). Berkaitan dengan ini, Idris (2009) menyatakan bahawa walaupun tumpuan dalam temu bual separa struktur ini adalah pada keseragaman soalan, namun jawapan dari maklumat yang diberikan diperhalusi seperti penggunaan ungkapan, istilah atau perkataan yang digunakan dalam menjelaskan sesuatu perkara.

Sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah komuniti *muhajir* Cina yang belajar di Pusat Latihan Saudara Baru, Kompleks Darul Hidayah, MAIDAM, Kuala Terengganu, Malaysia. Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji meminta kebenaran dari pihak Majlis Agama dan memastikan responden adalah *muhajir* yang memeluk agama Islam di negeri ini. Menurut Ahmad (2009), pemilihan sampel merupakan satu proses bagi memilih subjek yang sewajarnya boleh dijadikan sampel kajian. Justeru pemilihan sampel mestilah tepat kerana ia akan menjadi sumber data kajian yang akan dijalankan. Kajian kes yang berbentuk kualitatif dengan saiz sampel yang kecil ($n = 20$) ini tidak bertujuan untuk melakukan generalisasi hasil dapatan kajian kepada mana-mana populasi. Kajian rintis ke atas 5 orang Saudara Muslim Cina dilakukan bermula Februari 2012 hingga Mac 2012 sebelum temu bual sebenar dilakukan bermula 9 Oktober 2012-15 Disember 2012.

MUHAJIR PENJANA TOLERANSI MUSLIM DAN NON-MUSLIM

Amalan toleransi begitu mendesak dalam kehidupan kelompok *muhajir* yang tinggal bersama keluarga non-Muslim. Toleransi diperlukan dalam aspek yang berkaitan dengan makan bersama, tinggal sebumbung dan sambutan perayaan. Ketiga-tiga aspek ini menuntut toleransi yang tinggi pada perkara yang tidak dapat disepakati bersama kerana wujud batas peraturan dan tuntutan kewajipan agama yang membezakan Islam dengan agama-

agama lain. Pendekatan melalui penyesuaian budaya (*cultural adjustment*) yang dipupuk daripada semangat bertoleransi mendorong terbinanya hubungan menyokong daripada pihak keluarga non-Muslim terhadap Saudara Baru yang kini menjalani cara hidup Islam.

Ternyata amalan toleransi mencipta impak yang positif kepada kedua-dua belah pihak yang diserlahkan secara semula jadi ini melalui 'praktis agama' dan 'perkongsian budaya'. Matlamat utama untuk toleransi intra-etnik ini ialah memberi kefahaman kepada keluarga asal tentang nilai agama Islam yang sebenar selain menyatakan bahawa masih ada budaya-budaya asal yang boleh diaplikasi secara bersama. Selanjutnya, berdasarkan hasil dapatan melalui temu bual yang dilakukan dengan *muhajir* di Kuala Terengganu, pengalaman toleransi ini juga ditonjolkan dalam aspek kunjungan ziarah, menguruskan kematian, penyediaan makanan dan sambutan perayaan. Ujaran pengalaman ini dijelaskan sebagaimana berikut:-

Saya menziarahi ibu bapa saya bagi memujuk hati agar menjadi tenang semula. Sewaktu menziarahi ibu bapa, saya makan makanan yang halal sama ada disediakan oleh ibu atau dibeli dari luar bagi mengambil hati ibu. Dengan menunjukkan akhlak-akhlak Islam yang baik sebagaimana yang dipelajari, akhirnya saya dapat meyakinkan semula keluarga agar menerima semula diri saya. (Resp # 02 Hokkien 2012).

Perbezaan agama antara komuniti *muhajir* dengan keluarga non-Muslim tidak menghalang hubungan positif antara mereka. Hubungan positif ini dapat dilihat melalui amalan toleransi yang ditunjukkan oleh keluarga non-Muslim seperti memberi sokongan dan galakan dalam melaksanakan kewajipan Islam; menasihati *muhajir* agar menjadi penganut yang taat kepada agama baru dan menenangkan *muhajir* membuat urusan pendaftaran pengislaman di jabatan agama. Pengalaman ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Saya pernah sembahyang rumah ayah, dan pernah adik beradik saya tengok saya sembahyang, ayah saya tengok, [lepas itu ayah saya sediakan tempat bersih untuk saya sembahyang] .baguslah dari segi layanan dia...lepas tu anak-anak saudara duduk tepi...saya baca *fatimah*. (Resp # 7-Hokien, 2012).

Bila saya balik ke rumah mak saya, [abang saya (bukan Muslim) marah anak-anak saudara dia kerana masih tak buat solat Asar lagi] (Resp # 2-Hokien, 2012).

so mula-mula saya pergi pejabat agama saya kata saya mau jadi Islam .. lepas tu, orang kata u betul ke u main-main, I cakap ..betulhah, lepas tu dia cakap ... saya langsung tak tau nak cakap *asyhadualla*..dia cakap.. satu saya ikut, dua kali saja... [I bawak orang Cina bukan Islam (kawan bukan Muslim), kita pergi takde orang Islam]... takde orang tau.lepas tu dia kata nak taruk (letak) nama apa saya taruklah nama Rahimah saya taruk sendiri tak de tanya orang. (Resp # 11-Foochow, 2012).

Selanjutnya amalan toleransi *muhajir* terhadap keluarga non-Muslim ditonjolkan dalam aktiviti meraikan upacara kematian. Ini dijelaskan sebagaimana berikut:

Dulu ada, semasa saya bekerja dengan bos saya di kedai bunga, mak dia meninggal saya pergi tengok dia, dia pun ada cakap U dah Islam, boleh ke U mari, I kata boleh tak ada apa, tak kisah, saya dan abang saya pergi. [Semasa saya pergi sana saya hantar bunga, sebab saya kerja kedai bunga]. Bunga putih-putih la bukan bunga merah, so dia orang sedih, tak boleh warna merah punya. (Resp # 15-Foochow, 2012).

[Semasa kematian ayah saya, saya ada balik .kita boleh pakai baju dia, pakai baju putih ... setahu saya kita boleh hormat dia macam ini, ini]... tapi kita tak boleh sujud ...Saya tanya ramai ustaz ...depan saya satu orang Islam saja..nanti orang lain cakap ini orang Islam biadab, yang lain semua Cina". (Resp # 11-Foochow, 2012).

Cuma saya kata [sebagai nak menghormati saya pakai jugalah yang diikat yang berwarna merah]... dicucuk dengan jarum". (Resp # 07-Hokkien, 2012)

Apa yang nyata amalan toleransi diperlukan bagi menjamin kelangsungan keharmonian yang terjejas akibat salah faham dan kebimbangan yang timbul daripada penukaran agama kepada Islam. Amalan ini semakin penting bagi menangani permasalahan yang tidak dapat disepakati bersama atas faktor perubahan yang berlaku ke atas saudara baru setelah memeluk Islam. Perubahan rutin seharian yang menonjolkan cara hidup Islam kini dibatasi dengan peraturan agama dan tuntutan kewajipan agama yang dilihat janggal, pelik dan membimbangkan oleh keluarga non-Muslim. Sekalipun perubahan berlaku ke atas penganut agama baru (*new converts*), yakni individu yang beralih kepada agama selain Islam, namun perubahan yang berlaku tidak terlalu besar seperti yang dialami Saudara Baru. Osman Chuah dan Abdul Salam (2008) menjelaskan:

This is because, in Christianity, there are no limitations on food and drink and clothing. Further, the mass on Sundays in the church can be held in the language of Christian convert. However, for a Muslim, it is rather strict. A convert could not worship idol, could not take pork and alcohol, and must learn to pray in the Arabic language.

Realitinya, kehidupan *muhajir* pada peringkat pasca-konversi berdepan dengan permasalahan 'double marginality', iaitu terpinggir antara dua keadaan (Suraya & Khadijah 2014). *Muhajir* berdepan dengan dilema antara pelaksanaan komitmen sebagai seorang Muslim dan pengekalan hubungan harmoni dengan keluarga non-Muslim. Suraya dan Khadijah (2014) mencatatkan pengalaman *muhajir* pada peringkat pasca-konversi merupakan satu pengalaman pahit dan begitu menyukarkan khususnya ketika memaklumkan keluarga mengenai keputusan memeluk Islam. Dimensi inter-agama ini membentuk empat pola hubungan antara *muhajir* dengan keluarga non-Muslim; bermula daripada hubungan tegang sehingga kepada hubungan akomodatif, neutral dan menyokong. Hasil kajian temubual ditunjukkan melalui naratif-deskriptif yang mempamerkan amalan toleransi dalam bentuk hubungan menyokong daripada pihak keluarga non-Muslim terhadap *muhajir* yang menjalani cara hidup Islam. Hubungan menyokong ini ditunjukkan daripada nukilan transkripsi-verbatim misalnya bekerjasama untuk mendapatkan makanan halal serta menyediakan perkakas memasak yang baru bagi mengelakkan kebimbangan *muhajir* untuk tinggal semula bersama keluarga dan masih mengekalkan hubungan melalui kunjung-mengunjungi. Ini dinyatakan sebagaimana berikut:

Selepas saya kahwin, selepas saya dapat anak, emak dah boleh terima, maknanya hanya setahun.sekarang ni mak pun baik, adik beradik pun baik, kakak semuanya baik, [kalau hari raya adik beradik datang rumah saya akan masak dan kadang-kadang dia akan membantu saya]". (Resp # 10-Hokkien, 2012).

Lepas ibu saya meninggal, adik beradik menerima saya semula, [apabila hari raya saya bawa barang-barang mentah dari rumah saya buat BBQ di rumah ayah, saya buat nasi minyak dan saya masak di situ]. (Resp # 07-Hokkien, 2012).

Macam kalau hari raya Cina kita pergi berjalan pula ke rumah dia (Ibu bapa). [Pergi ke rumah emak saudara, biasanya pergi dengan emak].. dia orang pun tahulah

cara-cara Islam. Apabila sambutan hari raya Cina dia orang order makanan pun dengan orang Melayu juga, makan dalam bekas *polystyrene*". (Resp # 01-Hokkien, 2012).

Suraya (2012) menyatakan *supportive interaction* iaitu, satu bentuk interaksi yang bertentangan dengan *contentious interaction*, yakni rendah konflik (*low conflict*) dan tinggi kesepakatan (*high consensus*). Hubungan menyokong merupakan gambaran yang paling jelas menunjukkan sikap toleransi keluarga non-Muslim terhadap *muhajir*. Ini kerana perubahan akhlak dan sikap yang lebih mulia ditonjolkan oleh *muhajir* dan amat disenangi keluarga asal. Resp#16-Kantonis menjelaskan sebagaimana berikut:

Tapi sekarang ni saya setiap tahun pergilah, tidur di sana (rumah ibu) ..[kalau nak buat ibadah solat dia tak halang, kalau hari Jumaat nak pergi solat saya tak ada kenderaan nak pergi solat, dia menawarkan kereta, ambik kereta ni pergi solat Jumaat]. (Resp # 16-Kantonis, 2012).

Ternyata bahawa budaya toleransi dalam keluarga *muhajir* di Terengganu dibina daripada pengalaman toleransi etnik dan toleransi beragama yang dipupuk melalui kahwin campur. Manifestasi pengalaman toleransi yang disuburkan dalam keluarga yang berkahwin campur ini dinyatakan sebagaimana berikut:

[Waktu Hari Raya Cina kita join, ayam-ayam, itik-itik ikat siap siap dia (mak) tunggu, 10 ekor ayam, 8 ekor itik dia suruh suami (Melayu) saya sembelih]... yang khinzir kalau kita balik, papa langsung tidak makan .. kita peti ais ada dua, satu untuk simpan itu punya .. satu tak.. waktu makan khinzir.. kalau dia tau saya balik dia cuci abih doh .. dia tak bagi kita tengok. Resp # 11-Foochow, 2012).

Tuntasnya, amalan kahwin campur yang berlaku secara natural berupaya membentuk ikatan kekeluargaan dan kesefahaman antara etnik dan agama. Azarudin dan Khadijah (2015) menjelaskan seseorang yang telah berkahwin campur biasanya akan mempunyai saudara mara dari agama berlainan. Situasi ini memberi mereka ruang untuk memahami antara satu sama lain secara lebih dekat dan lebih mesra kerana adanya ikatan kekeluargaan. Kesediaan keluarga mempunyai ahli yang berbilang agama dan tinggal bersama dalam sebuah keluarga besar merupakan salah satu contoh sikap inklusif masyarakat Terengganu dan sekaligus menggambarkan budaya toleransi begitu

menggalakkan. Biarpun begitu, amalan toleransi diterima pakai di Terengganu lebih bersifat 'berhati-hati', berbeza dengan kajian yang dilakukan Suraya dan Khadijah (2014) yang melihat budaya toleransi *muhajir*-non Muslim masyarakat Sabah diwarisi sejak turun temurun. Manifestasi amalan ini dapat dilihat dalam perkongsian sambutan perayaan, tinggal sebumbung, makan bersama, kunjungan ziarah, meraikan kematian dan mempunyai saudara mara daripada ahli keluarga berbilang agama. Sayyidah (2015) menjelaskan agama berkait rapat dengan pegangan dan keyakinan yang bersifat mutlak dan ia merupakan wilayah suci yang amat sukar menerima ruang perubahan. Agama pada fitrahnya, mencerminkan satu kerangka pandangan alam (*worldview*) menyeluruh yang terbentuk daripada beberapa unsur utama berdasarkan sumber agama yang bersifat mutlak. Perbezaan lain dapat dilihat dari sudut batas peraturan agama dan tuntutan kewajipan agama antara Islam dengan agama-agama lain. Batas peraturan dan tuntutan kewajipan Islam meletakkan peraturan halal-haram dan tuntutan kewajipan pelaksanaan ibadah solat sebagai sempadan yang membatasi sesuatu hubungan sama ada hubungan keluarga mahupun hubungan sahabat yang berbeza agama. Atas faktor wujudnya peraturan dan sempadan inilah, maka toleransi beragama yang dianjurkan oleh Islam harus berada dalam ruang lingkup syarat yang dibenarkan, iaitu "teguh pada prinsip, toleran pada sikap." Yakni, teguh dalam melaksanakan prinsip Islam sama ada dalam aspek yang berkaitan dengan peraturan mahupun tuntutan kewajipan Islam. Namun berupaya menunjukkan sikap tolak ansur dan akomodatif dalam hubungan sosial bersama pihak berbeza agama. Perkara inilah yang ditunjukkan dalam hubungan keluarga *muhajir* yang bersikap penerimaan terhadap hakikat perbezaan prinsip agama antara mereka.

Situasi ini berbeza dengan toleransi etnik yang hanya menuntut keterbukaan dan kesanggupan menerima kehadiran pihak lain tanpa terikat dengan batas peraturan dan tuntutan kewajipan tertentu. Terma etnik merujuk kepada kelompok manusia yang anggotanya mengaitkan diri melalui sesuatu warisan sepunya dan berkongsi keturunan dari segi sejarah, negara asal, bahasa, adat resam dan sistem nilai (Pue Giok Hun & Charanjit Kaur 2014). Perbezaan etnik tidak melibatkan perbezaan pegangan, keyakinan dan pelaksanaan sesuatu tuntutan kewajipan sehingga melebarkan jurang perbezaan antara satu amalan dan cara hidup

mengikuti agama masing-masing. Agama menurut Sayyidah (2015) adalah satu identiti yang kukuh. Agama disifatkan suatu yang sensitif dan mudah menarik perhatian (*attentive*), perasaan keagamaan mudah mendorong seseorang untuk bertindak berbanding unsur-unsur lain yang membentuk identiti seseorang. Nilai-nilai moral dan spiritual yang dianjurkan oleh agama menggalakkan seseorang melakukan perubahan sikap serta agama meninggalkan kesan yang lebih mendalam berbanding unsur-unsur lain. Atas dasar itu, boleh dikatakan toleransi etnik lebih mudah dilaksanakan berbanding toleransi beragama kerana agama tidak hanya sukar menerima perubahan tetapi juga agama perlu dibatasi dengan peraturan dan tuntutan kewajipan tertentu.

Pengalaman interaksi yang luas antara etnik dan agama di Terengganu merupakan pemangkin ke arah proses pembudayaan amalan toleransi di Terengganu. Proses ini bermula daripada interaksi meluas hasil daripada pengalaman pertemuan, perkenalan dan persahabatan merentas etnik sehingga mendorong kepada perkenalan yang lebih mendalam tentang ajaran agama lain. Melalui jalinan inilah, akhirnya memupuk kemesraan sehingga membentuk kefahaman dalam membezakan antara agama anutan dengan agama baru yang ditemui. Kefahaman terhadap agama baru yang didasari dengan kefahaman yang betul, tepat dan jitu mencetuskan semangat toleransi beragama yang didorong daripada sikap penghormatan terhadap agama lain yang berbeza kepercayaan, peraturan dan tuntutan kewajipan. Situasi inilah yang ditunjukkan dalam hubungan keluarga *muhajir* yang menonjolkan budaya toleransi melalui hubungan menyokong daripada pihak berbeza agama.

KESIMPULAN

Muhajir merupakan istilah yang selaras dengan usaha pembangunan diri yang lebih baik ke arah jalan yang direndai Allah dan senada dengan prinsip hijrah yang dilakukan Rasul SAW dan para sahabat berbanding Saudara Baru atau Saudara Kita yang melantunkan beraneka maksud sehingga mencetuskan polemik dalam kalangan *muhajir*. Masyarakat Muslim asal pula seumpama masyarakat Ansar yang wajar memberikan sokongan padu kepada *muhajir* agar mereka terus kekal positif sebagai penjana toleransi dalam hubungan umat beragama.

Tuntasnya, toleransi merupakan satu nilai budaya yang mendasari kehidupan bersama masyarakat majmuk di Malaysia. Budaya toleransi hanya dapat dibina sekiranya toleransi etnik dan toleransi beragama diterima pakai sebagai satu amalan bersama Muslim-non-Muslim-*muhajir*. Gambaran amalan toleransi yang dipaparkan dalam hubungan keluarga *muhajir* merupakan landasan ke arah membudayakan toleransi dalam kehidupan bermasyarakat dengan jiran dan rakan taulan yang berbeza agama dan etnik. Boleh dikatakan semakin tinggi toleransi etnik, maka semakin tinggi jugalah toleransi beragama yang dimanifestasikan melalui hubungan menyokong antara pihak berbeza agama. Situasi yang ditonjolkan dalam hubungan Muslim, bukan Muslim dan komuniti *muhajir* di Kuala Terengganu, Terengganu yang menyerlahkan budaya toleransi dalam kepelbagaian hidup bersama. Interaksi meluas melalui jalinan perkenalan, pertemuan dan tinggal bersama yang membentuk hubungan persahabatan, persaudaraan dan persemendaan merentas agama dan etnik merupakan formula terbaik bagi memupuk budaya toleransi dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Meskipun demikian, toleransi Islam berbeza dengan barat kerana Islam meletakkan kebebasan secara terhad demi melahirkan manusia yang lebih beradab dan lebih mulia seperti yang ditonjolkan dalam hubungan *muhajir* dengan Muslim dan *muhajir* dengan bukan Muslim.

PENGHARGAAN

Kami merakamkan setinggi penghargaan kepada UMRG-RP035-17HNE yang telah membiayai kajian ini.

RUJUKAN

- Abd. Malik Usman. 2015. Islam rahmah dan wasathiyah (paradigma keberislaman inklusif, toleran dan damai). *HUMANIKA* 15(1): 1-12.
- Abdul Rahman Al-Jaziri. 2004. *Al-Fiqh 'ala al-Mazahib Al-Arbaah*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Adi Syahid Mohd Ali. 2013. Keberkesanan Pembelajaran Aqidah Berasaskan Strategi Inkuiri Terbimbing Terhadap Saudara Baru. Tesis Sarjana Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Al-Qurtubī. 1954. *Al-Jami' Li Ahkām al-Quran*. Volume 8. Misr: Dar al-Kutub Misriyya.
- Al-Shawkani. 1987. *Nail al-Authar*. Jilid 3. Qaherah: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ansari. 1990. Hijrah in the Islamic Tradition. In *The Cultural Basis of Afghan Nationalism*, edited by Anderson, Ewan and Hatch Dupree, Nancy, 3-20. London: Oxford University Press.
- Apriliani, I., & Ghazali, H. 2016. Toleransi Remaja Islam Kepada Pemeluk Agama yang Berbeda: Studi Ekstrakurikuler Rohani Islam (Rohis) SMA di Bekasi, Jawa Barat. *At-Tarbawi: Jurnal Kajian Kependidikan Islam* 1(1): 1-22.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2014. "Bentuk-Bentuk Hubungan Muslim-Non Muslim Selepas Pemelukan Agama: Kajian Kes Dalam Kalangan Muallaf Cina Terengganu". *Jurnal Kemusiaan* 23:1-17
- Ibn Hajar al-'Asqalani & Abi al-Fadhl Ahmed. 2002. *Lisan al-Mizan*. Shaykh Salman b. Shaykh Abd al-Fattah Abu Ghudda (pyt). Beirut, Lebanon: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Ibnu Manzur. 2001. *Lisān al-'Arab lil iman al-alamat Abi al-Fadli Jamal al-Din Muhammad bin Makram*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Idris Awang. 2009. *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*. Shah Alam : Kamil & Shakir Sdn Bhd.
- Jaffary Awang & Ibrahim Abu Bakar. 2015. Toleransi beragama dan hubungannya dengan amalan pela gandong dalam kalangan muslim dan kristian di ambon. *Jurnal Al-Hikmah* 1: 3-16.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2015. Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 27(27): 81-92.
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Nusrate Aziz & Osman bin Mohamad. 2016. Islamic Social Business to Alleviate Poverty and Social Inequality. *International Journal of Social Economics* 43(6): 573-592.
- Mokhtar Ismail. 2011. *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Rasyid Ridha. t.t. *Tafsir al-Manar*. Beirut Libanon: Darul al-Ma'rifah.
- Muhammad Sabir. 2016. Wawasan hadis tentang tasamuh (toleransi) (suatu kajian hadis tematik). *Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah* 9(2): 1-24.
- Mutsalim & Jaffar Awang. 2014. Toleransi beragama dan implikasinya di kalangan mahasiswa/i Muslim dan Buddha di Prince of Songkhla University. *Journal of Islamic & Arabic Education* 5(2): 1-14.
- Norlina Ismail, Azman Ab. Rahman & Zulkifli Hasan. 2016. The conversion procedures of muallaf in Negeri Sembilan: Issues and challenges. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 2(3): 83-89.
- Osman Abdullah@Chuah H. L. & Abdul Salam Muhamad Shukri. 2008. *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Gombak: International Islamic University Malaysia Press.
- Pue Giok Hun & Charanjit Kaur. 2014. Identiti etnik minoriti di Malaysia: Antara realiti sosial tafsiran autoriti dan tafsiran harian. *Akademika* 84(1&2): 57-70.
- Ritajuddiroyah, A. 2015. Toleransi Beragama dalam Al-Qur'an Menurut Penafsiran Sayyid Qutb. Tesis Doktor Falsafah Universiti Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Sayyid Qutb. 1985. *Fī zilālil al-qurān*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Sayyidah, N. 2015. Konsep Agama Dalam Al-Qur'an (Studi Atas Kitab Tafsir Maudhu 'I Al-Muntaha). Tesis Doktor Falsafah Universiti Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Suraya Sintang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2014. Saudara Baru dan Peranannya dalam Dialog Antara Agama. *Jurnal MANU* 20: 109-126. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Syarul Azman Shaharuddin, Abur Hamdi Usman & Muhammad Yusuf Marlon. 2016. Malay culture in Chinese Muslim newly convert (muallaf) perspective: Selangor case study. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7(2 S1): 325-332.
- Suraya Sintang. 2012. Dialog Kehidupan dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Saudara Baru. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Yusuf Al-Qardawi. 2000. *Fiqh al-Zakah*. Vol. 1 & 2. Lebanon: Muassah al-Risalah

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia
E-mail: ijamh@um.edu.my

Azarudin Awang (corresponding author)
Universiti Teknologi Mara
Sura Hujung
23000 Dungun
Terengganu
Malaysia
E-mail: azaru154@tganu.uitm.edu.my

Suraya Sintang
Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
88999 Kota Kinabalu
Sabah
Malaysia
E-mail: suraya@ums.edu.my

Nur Farhana Abdul Rahman
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
Email: nfarhana@ukm.edu.my

Wan Adli Wan Ramli
Jabatan Akidah & Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia
E-mail: wanadli@um.edu.my

Khairul Nizam Mat Karim
Department of Business Management and
Accounting
Universiti Tenaga Nasional, Bandar Muadzam
Shah
Pahang
Malaysia
E-mail: KhairulNizam@uniten.edu.my

Received: 15 August 2016

Accepted: 26 May 2017